



DEWAN NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN

**MESYUARAT PERTAMA (PEMBUKAAN) PENGGAL KETIGA
DEWAN NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN KELIMA BELAS
18 FEBRUARI HINGGA 21 FEBRUARI,
24 FEBRUARI HINGGA 28 FEBRUARI DAN 3 MAC 2025**

ATURAN URUSAN MESYUARAT

**Hari Jumaat, 21 Februari 2025
Jam 9.30 pagi**

1. **Doa**
2. **Pertanyaan-pertanyaan**
3. **Usul Menyembah Ucapan Terima Kasih Serta Menjunjung Kasih Ke Atas Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor**

“ Ampun Tuanku,

Patik-patik sekalian iaitu Speaker dan Ahli-ahli Dewan Negeri Selangor yang berhimpun di Dewan ini memohon sembah terima kasih serta menjunjung kasih di atas Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor bagi membuka dengan rasminya Mesyuarat Pertama (Pembukaan) Penggal Ketiga Dewan Negeri Selangor Yang Kelima Belas.”

4. Usul-usul:-

- i) **Usul No. 1 Tahun 2025**, Usul di bawah Peraturan Tetap 76 (5) oleh Yang Berhormat Subang Jaya

“Bahawasanya menurut Peraturan 76(5), Peraturan-peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor, Dewan yang mulia ini menerima Penyata Jawatankuasa Pilihan Khas Mengenai Pengurusan Air, Pertanian, Infrastruktur Dan Mobiliti (JPK – INFRAGRO) Berhubung Isu Banjir Di Negeri Selangor yang telah dibentangkan di Dewan yang mulia ini sebagai Kertas Mesyuarat Bilangan 3 Tahun 2025”.

- ii) **Usul No. 2 Tahun 2025**, Usul di bawah Peraturan Tetap 76 (5) oleh Yang Berhormat Dusun Tua

“Bahawasanya menurut Peraturan 76(5), Peraturan-peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor, Dewan yang mulia ini menerima Penyata Jawatankuasa Pilihan Khas Mengenai Keupayaan, Kebertanggungjawaban Dan Ketelusan (*Special Select Committee On Competence, Accountability And Transparency* - SELCAT) Bagi Dewan Negeri Selangor Berhubung Pelaksanaan Program Skim Insurans Am Selangor (INSAN) Dan Hala Tuju Masa Hadapannya yang telah dibentangkan di Dewan yang mulia ini sebagai Kertas Mesyuarat Bilangan 4 Tahun 2025”.

- iii) **Usul No. 3 Tahun 2025**, Usul di bawah Peraturan Tetap 76 (5) oleh Yang Berhormat Lembah Jaya

“Bahawasanya menurut Peraturan 76(5), Peraturan-peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor, Dewan yang mulia ini menerima Penyata Jawatankuasa Pilihan Mengenai Pihak Berkuasa Tempatan (JP-PBT) Bagi Dewan Negeri Selangor Berhubung Penambahbaikan Peranan Koridor Utiliti Selangor (KUSEL) yang telah dibentangkan di Dewan yang mulia ini sebagai Kertas Mesyuarat Bilangan 5 Tahun 2025”.

5. Penangguhan